



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

**KHAMIS, 29 FEBRUARI 2024**

**LAPORAN HARIAN**





UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

29/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>SELANGOR REKOD 588 KES JENAYAH KANAK-KANAK TAHUN LEPAS - EXCO</b>	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/selangor-rekod-588-kes-jenayah-kanakkanak-tahun-lepas-exco-460123">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/selangor-rekod-588-kes-jenayah-kanakkanak-tahun-lepas-exco-460123</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/02/28/dun-selangor-banyak-budak-selangor-ditangkap-terlibat-merusuh/">https://www.kosmo.com.my/2024/02/28/dun-selangor-banyak-budak-selangor-ditangkap-terlibat-merusuh/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/651759/edisi/selangor-kl/577-kanak-kanak-terlibat-jenayah-di-selangor">https://www.sinarharian.com.my/article/651759/edisi/selangor-kl/577-kanak-kanak-terlibat-jenayah-di-selangor</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1065041/selangor-catat-588-kes-jenayah-babit-kanak-kanak-tahun-lalu">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1065041/selangor-catat-588-kes-jenayah-babit-kanak-kanak-tahun-lalu</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/02/28/selangor-rekod-588-kes-jenayah-babit-kanak-kanak/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/02/28/selangor-rekod-588-kes-jenayah-babit-kanak-kanak/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM
	<a href="https://thesun.my/cerita/exco-selangor-rekod-588-kes-jenayah-kanak-kanak-tahun-lepas-LH12150478">https://thesun.my/cerita/exco-selangor-rekod-588-kes-jenayah-kanak-kanak-tahun-lepas-LH12150478</a>	THESUN.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>PUSAT SOKONGAN SOSIAL SETEMPAT (PSSS) TRANSIT PERTAMA MALAYSIA</b>	
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=ep78KdmSUOw">https://www.youtube.com/watch?v=ep78KdmSUOw</a>	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>WARGA BANGLADESH DITAHAN, BERNIAGA DAGING LEMBU DI PASAR MALAM</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1064977/warga-bangladesh-ditahan-berniaga-daging-lembu-di-pasar-malam">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1064977/warga-bangladesh-ditahan-berniaga-daging-lembu-di-pasar-malam</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1217571/berniaga-di-pasar-malam-warga-bangladesh-ditahan-imigresen">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1217571/berniaga-di-pasar-malam-warga-bangladesh-ditahan-imigresen</a>	BHARIAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

kpwkm

29/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
4	<b>SIBU TUAN RUMAH SAMBUTAN HARI WANITA PERINGKAT NEGERI</b>	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/02/28/sibu-tuan-rumah-sambutan-hari-wanita-peringkat-negeri">https://www.utusanborneo.com.my/2024/02/28/sibu-tuan-rumah-sambutan-hari-wanita-peringkat-negeri</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	<b>IBU MENGAKU BERI BAYI AIR SUSU BERCAMPUR DADAH, BAPA PULA NAFI</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2024/02/1065027/ibu-mengaku-beri-bayi-air-susu-bercampur-dadah-bapa-pula-nafi">https://www.hmetro.com.my/utama/2024/02/1065027/ibu-mengaku-beri-bayi-air-susu-bercampur-dadah-bapa-pula-nafi</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/651748/berita/semasa/ibu-mengaku-beri-bayi-16-bulan-minum-susu-campur-dadah">https://www.sinarharian.com.my/article/651748/berita/semasa/ibu-mengaku-beri-bayi-16-bulan-minum-susu-campur-dadah</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/697573">https://www.malaysiakini.com/news/697573</a>	MALAYSIAKINI.COM
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=A-gRACY-h08">https://www.youtube.com/watch?v=A-gRACY-h08</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/02/28/couple-charged-with-abuse-over-meth-laced-baby-milk/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/02/28/couple-charged-with-abuse-over-meth-laced-baby-milk/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=-B_nrf9DnSs">https://www.youtube.com/watch?v=-B_nrf9DnSs</a>	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
6	<b>ROGOL: LELAKI DIPENJARA 22 TAHUN, LIMA SEBATAN</b>	
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/02/28/rogol-lelaki-dipenjara-22-tahun-lima-sebatan">https://www.utusanborneo.com.my/2024/02/28/rogol-lelaki-dipenjara-22-tahun-lima-sebatan</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY
	<a href="https://suarasarawak.my/rogol-kanak-kanak-buruh-dipenjara-22-tahun-5-sebatan/">https://suarasarawak.my/rogol-kanak-kanak-buruh-dipenjara-22-tahun-5-sebatan/</a>	SUARASARAWAK.MY
	<a href="https://www.theborneopost.com/2024/02/28/man-in-kuching-gets-22-years-jail-five-lashes-for-rape-and-sexual-assault-of-girl/">https://www.theborneopost.com/2024/02/28/man-in-kuching-gets-22-years-jail-five-lashes-for-rape-and-sexual-assault-of-girl/</a>	THEBORNEOPOST.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK




[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

29/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
7	<b>KES JURULATIH RENANG LAKUKAN GANGGUAN SEKSUAL DALAM SIASATAN POLIS</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/arena/lain/2024/02/1065118/kes-jurulatih-renang-lakukan-gangguan-seksual-dalam-siasatan-polis">https://www.hmetro.com.my/arena/lain/2024/02/1065118/kes-jurulatih-renang-lakukan-gangguan-seksual-dalam-siasatan-polis</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	<b>MAJIKAN DIDAKWA AMANG SEKSUAL PEKERJA BAWAH UMUR</b>	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/02/majikan-didakwa-amang-seksual-pekerja-bawah-umur/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/02/majikan-didakwa-amang-seksual-pekerja-bawah-umur/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=LikGEJmbaSQ">https://www.youtube.com/watch?v=LikGEJmbaSQ</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=o1eDp6vj00I">https://www.youtube.com/watch?v=o1eDp6vj00I</a>	YOUTUBE



## Selangor rekod 588 kes jenayah kanak-kanak tahun lepas - Exco

Bernama  
Februari 28, 2024 16:30 MYT



*Anfaal berkata rekod berdasarkan laporan polis itu menunjukkan bahawa jenayah paling tinggi dicatatkan ialah merusuh, yang membabitkan 138 orang, dan curi seramai 112 orang. -Gambar fail/Bernama*

**SHAH ALAM:** Rekod menunjukkan 588 kanak-kanak berumur 18 tahun ke bawah terbabit pelbagai jenayah termasuk merusuh, mencuri, rogol dan bunuh di Selangor sepanjang tahun lepas, kata Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Selangor Anfaal Saari.

Beliau berkata rekod berdasarkan laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM) itu menunjukkan bahawa jenayah paling tinggi dicatatkan ialah merusuh, yang membabitkan 138 orang, dan curi seramai 112 orang.

"Bagi kategori kanak-kanak berumur tujuh hingga 12 tahun, 11 kes dilaporkan termasuk satu kes rogol dan lima curi motosikal, manakala bagi kanak-kanak berumur 13 hingga 18 tahun, ia membabitkan 577 kes dengan kes merusuh paling tinggi 138 kes, curi 112 kes, kes rogol 85 dan satu kes bunuh," katanya.

Katanya selain itu dalam tempoh yang sama 156 kes penderaan, 190 kes pengabaian, dan 146 kes keganasan seksual terhadap kanak-kanak telah dilaporkan.

Beliau berkata demikian bagi menjawab pertanyaan Mariam Abdul Rashid (PH-Meru) berhubung statistik jenayah kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah di Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor hari ini.


Sementara itu Anfaal berkata kerajaan negeri telah membangunkan Dasar Pembangunan Kanak-Kanak Negeri Selangor dan Pelan Tindakan 2022-2025 yang dilancarkan pada Mei 2023.

"Menerusi tema 'Anak Selangor Anak Kita', Dasar Pembangunan Kanak-Kanak Negeri Selangor bermatlamat untuk mewujudkan golongan kanak-kanak yang terpelihara dari sudut hak, kebajikan, akses kepada sumber dan pembangunan potensi

"Menerusi dasar ini, perlindungan dan keselamatan kanak-kanak turut ditekankan dalam 'Domain 8' yang antaranya bermatlamat mewujudkan persekitaran dan komuniti yang selamat untuk didiami keluarga dan kanak-kanak," katanya.

Katanya sembilan tindakan yang dirancang, antaranya mendapatkan kerjasama pihak berkuasa tempatan (PBT) dan polis untuk meningkatkan rondaan di sekitar kawasan taman permainan dan rekreasi kanak-kanak.

"Begitu juga menempatkan pengawal keselamatan khusus bagi memantau kanak-kanak termasuk kanak-kanak berkeperluan khas di tempat berisiko," katanya.



## Warga Bangladesh ditahan, berniaga daging lembu di pasar malam

Ahmad Hasbi  
am@hmetro.com.my



PENIAGA warga Bangladesh antara yang ditahan dalam Operasi Bersepadu Warga Asing di dua lokasi di Nilai, petang semalam. FOTO Ahmad Hasbi

Nilai: Niat warga Bangladesh yang baru mula berniaga daging lembu di sebuah pasar malam dekat Taman Semarak, di sini, terbantut apabila ditahan dalam Operasi Bersepadu Warga Asing, petang semalam.

Lelaki itu antara 13 warga asing yang ditahan selepas didapati melanggar syarat pas ditetapkan ketika pemeriksaan yang dilaksanakan Penguat Kuasa Majlis Bandaraya Seremban (MBS) bermula jam 5 petang.

Pengarah Undang-Undang dan Penguatkuasaan MBS, Hanizam Ahmad berkata, operasi itu dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Negeri Sembilan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Dalam operasi semalam, kami melakukan pemeriksaan di premis perniagaan di Taman Desa Ria, Nilai 3, di sini, dan di tapak pasar malam Taman Semarak.

"Bagi pemeriksaan di Taman Desa Ria, kami mengesan tiga premis yang menjalankan perniagaan tanpa lesen dan sebuah premis melanggar syarat lesen iaitu tiada kehadiran 30 peratus warga tempatan di premis terbabit," katanya ketika ditemui.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan itu pihaknya mengeluarkan enam kompaun terhadap premis terbabit dan turut mengeluarkan tiga notis sita manakala pihak JIM menahan enam lelaki warga Bangladesh.


Menurutnya, pemeriksaan di pasar malam pula pihaknya menyita sebuah gerai daging lembu yang dikendalikan warga asing selain turut mengeluarkan 22 kompaun terhadap peniaga lain yang dikesan berniaga tanpa lesen.

"Kami juga mengesan beberapa pemilik gerai warga tempatan yang menggajikan warga asing. Mereka dikompaun mengikut Seksyen UUK 6(3) Undang-Undang Kecil Penjaja MBS.

"Bagi pihak JIM pula, mereka menahan empat lagi lelaki warga Bangladesh termasuk peniaga daging berkenaan kerana didapati melanggar syarat pas ditetapkan.

"Dalam masa sama, pihak JKM menahan seorang wanita warga Syria bersama dua anaknya yang berusia belasan tahun kerana mengemis. Secara keseluruhan 13 warga asing ditahan," katanya.

Mengulas mengenai kegiatan mengemis dalam kalangan warga asing di daerah itu, beliau berkata, setakat ini situasi masih terkawal dan pengemis berkenaan sebenar datang dari negeri jiran.



# Sibu tuan rumah sambutan Hari Wanita Peringkat Negeri

© 2024-02-28T11:26:58+08:00



Fatimah (duduk tengah) bersama yang lain yang terlibat dalam sambutan Hari Wanita semasa sidang media semalam.

SIBU: Sambutan Hari Wanita Peringkat Negeri yang bertemakan Wanita Sarawak Dalam Inovasi dan Teknologi akan disambut di Universiti Teknologi Sarawak (UTS) pada 4 Mei ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, ini adalah kali pertama sambutan diadakan di luar Kuching.

“Kita mahu memberi peluang kepada Sibu untuk menganjurkan sambutan kali ini.

“Kita menjangkakan antara 800 hingga 1,000 orang akan hadir bersama kita di dewan ini,” ujarnya pada sidang media, semalam.

Fatimah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Dalat berkata, sambutan itu bertujuan untuk meraikan dan menghargai sumbangan wanita Sarawak dalam pembangunan keluarga, negeri dan negara.

Beliau juga menambah, Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg dijangka menjadi tetamu kehormat pada sambutan dengan acara kemuncak majlis ialah penyampaian Anugerah Datuk Patinggi Laila Taib dan Anugerah Premier Sarawak.

“Satu lagi aktiviti yang akan kita buat ialah menerbitkan buku yang bertajuk ‘Wanita Sarawak dalam Inovasi dan Teknologi’.


“Sekarang, kita dalam proses penyuntingan dan akan melancarkan buku ini pada hari itu nanti,” katanya.

Pada sambutan itu nanti, Fatimah turut memberitahu orang ramai juga akan diperkenalkan dengan perkhidmatan yang disediakan oleh agensi dan jabatan kerajaan.

“Kami ingin memberi maklumat kepada rakyat bagaimana mereka boleh mengakses perkhidmatan yang disediakan oleh agensi dan jabatan yang terlibat,” ujar beliau.

## Ibu mengaku beri bayi air susu bercampur dadah, bapa pula nafi

Siti Khadijah Jaafar  
am@hmetro.com.my



Petaling Jaya: Sepasang suami isteri dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, atas pertuduhan melakukan penganiayaan terhadap anak lelaki mereka dengan memberi air susu bercampur dadah merbahaya jenis Methamphetamine pada 19 Februari lalu.

Tertuduh, Nabila Huda Fadli, 34, mengaku bersalah sebaik pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Dr Syahliza Warnoh manakala suaminya, Sofian Mustapa Zain, 40, mengaku tidak bersalah.

Mengikut pertuduhan bersama, mereka didapati melakukan penganiayaan terhadap bayi lelaki berusia satu tahun empat bulan dengan memberi minum susu bercampur air yang mengandungi dadah merbahaya jenis Methamphetamine sehingga menyebabkan mangsa mengalami 'allegedsympathomimetic drug ingestion'.

Kesalahan dilakukan 19 Februari lalu kira-kira jam 6 petang di Blok F, Apartment Medan Jaya, Taman Medan, Petaling Jaya.

Pendakwaan mengikut Seksyen 31 (1)(a), Akta Kanak-Kanak 2001 bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 20 tahun atau kedua-duanya.

Terdahulu, pihak pendakwaan menawarkan jaminan RM15,000 bagi setiap tertuduh selain syarat tambahan iaitu perlu melaporkan diri di balai polis berhampiran sebulan sekali serta tidak mengganggu saksi kes.



SORIAN Mustafa dan Nabila Huda diringi polis selepas didakwa atas kesalahan penganiayaan terhadap kanak-kanak lelaki dengan memberi air susu bercampur dengan dadah merbahaya jenis Methamphetamine di Mahkamah Sesyen Petaling Jaya. FOTO Genes Guilfah

Dalam rayuannya, Nabila Huda memohon mahkamah mengurangkan jumlah jaminan atas alasan tidak bekerja selain perlu menjaga ibu dan tiga anaknya.

Sofian pula memberitahu mahkamah, tidak bekerja tetap serta perlu menanggung keluarga yang lain.

Mahkamah kemudian membenarkan pasangan suami isteri itu diikat jamin RM5,000 seorang berserta syarat tambahan yang ditetapkan pihak pendakwaan.


Dr Syahliza juga menetapkan 13 Mac depan untuk fakta dan jatuh hukuman bagi Nabila Huda manakala lantikan peguam dan pengurusan kes untuk Sofian.

Suami isteri itu sebelum ini ditahan selepas tersilap membancuh susu bayi mereka dengan air mengandungi dadah di sebuah flat di Taman Medan, pada 19 Februari lalu.

Bayi lelaki berusia setahun empat bulan itu difahamkan dihantar kepada neneknya berusia 55 tahun yang tinggal di Seri Kembangan pada hari kejadian.

Semasa dalam jagaan neneknya, mangsa tidak berhenti menangis, terlalu aktif dan sukar dikawal sebelum si nenek bertanyakan mengenai perkara itu kepada ibu mangsa.

Ibu mangsa kemudian mengaku tersilap membancuh susu bayi malang ini menggunakan air syabu milik suaminya.



## Rogol: Lelaki dipenjara 22 tahun, lima sebatan

© 2024-02-28T16:26:17+08:00



Polis mengiringi Bolhasan ketika berada di Kompleks Mahkamah Kuching selepas dia dijatuhkan hukuman hari ini.

**KUCHING:** Seorang lelaki dikenakan hukuman penjara 22 tahun dan lima sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas dua pertuduhan merogol dan satu serangan seksual ke atas gadis berusia 14 tahun ketika insiden berlaku.

Hakim Saiful Bahari Adzmi menjatuhkan hukuman ke atas Bolhasan Hashim, 36, selepas mendapati dia bersalah bagi tiga pertuduhan pada akhir pembelaan kes.

Bolhasan didapati bersalah atas dua pertuduhan merogol mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan, yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Dia juga didapati bersalah melakukan serangan seksual di bawah Seksyen 14(b) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (SOACA) 2017, boleh dihukum di bawah Seksyen 14 Akta yang sama, yang membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan jika sabit kesalahan.

Bagi dua pertuduhan pertama, dia dikenakan hukuman penjara lapan tahun dan dua sebatan setiap satu pertuduhan manakala untuk pertuduhan ketiga, dia dipenjara enam tahun dan satu sebatan.

Hakim mengarahkan hukuman penjara dijalankan secara berturut-turut dan Bolhasan harus menjalani kaunseling pemulihan menurut Seksyen 26 SOACA sepanjang penahanannya.

Selain itu, Bolhasan diperintah diletakkan di bawah pengawasan polis selama dua tahun serta merta sebaik menamatkan hukuman.

Menurut pertuduhan pertama dan kedua, Bolhasan telah merogol mangsa pada awal November 2022 sekitar 12 tengah hari dan pada 10 November 2022 sekitar jam 5 petang di sebuah taman di Petra Jaya di sini.

Manakala pertuduhan ketiga, dia melakukan serangan seksual ke atas mangsa di sebuah kampung di Petra Jaya di sini sekitar 10 malam pada 10 November 2022.

Berdasarkan fakta-fakta kes, pada 7 Disember 2022, mangsa telah dirujuk kepada seorang doktor selepas mengadu sakit di bahagian abdomen dan selepas ditanya oleh doktor mangsa memberitahu dia telah dirogol oleh Bolhasan.

Susulan kenyataan mangsa itu, doktor yang merawatnya membuat laporan polis untuk siasatan lanjut.

Pada hari sama, kakak mangsa juga membuat laporan polis selepas mangsa memberitahu kepadanya yang dia telah dirogol serta diserang secara seksual.

Laporan-laporan polis itu akhirnya membawa kepada penahanan Bolhasan pada 8 Disember 2022.

Siasatan yang dilakukan mendedahkan Bolhasan telah merogol mangsa beberapa kali pada November 2022 di sebuah taman di Petra Jaya di sini.

Kes itu menyaksikan tujuh saksi, iaitu dua doktor, mangsa, kakak mangsa, dan tiga pegawai polis, dipanggil ke tempat kejadian.

Pendakwaan kes itu dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Fauzan Zamri, manakala Bolhasan tidak diwakili peguam bela.



## Kes jurulatih renang lakukan gangguan seksual dalam siasatan polis

Amirul Fazli Zulkafli  
sukan@hmetro.com.my



Kuala Lumpur: Kes membabitkan seorang jurulatih renang yang dikatakan terbabit dalam gangguan seksual terhadap atlet di bawah jagaan beliau kini di berada dalam siasatan penuh pihak polis dan hasil siasatan akan diumumkan kemudian.

Presiden Majlis Paralimpik Malaysia (MPM), Datuk Seri Megat D Shahrudin Zaharudin berkata pihaknya akan memberi kerjasama penuh kepada pihak polis bagi memastikan keadilan dalam perkara itu dapat ditegakkan.

"Kami sudah membawa kes ini kepada polis untuk mereka siasat kerana mereka badan bebas. Kita mahu keadilan kerana ia membabitkan salah laku seksual dan unsur jenayah," katanya.

Terdahulu, Majlis Sukan Negara (MSN) akan mengambil tindakan tegas kepada mana-mana jurulatih sekiranya didapati melakukan salah laku dalam program latihan MSN dan penamatan kontrak akan dilakukan serta merta. Melalui satu kenyataan rasmi dari MSN hari ini.

Jawatankuasa Salah Laku Dalam Sukan sedang menjalankan penyiasatan atas dakwaan salah laku terhadap seorang jurulatih renang apabila dikatakan terbabit dalam gangguan seksual terhadap atlet di bawah jagaan beliau sebagaimana dilaporkan sebuah media sebelum ini.

"MSN tidak pernah berkompromi dan melindungi mana-mana atlet mahupun pegawai yang terbabit salah laku sedemikian.

"Dakwaan salah laku itu diterima MSN pada minggu lalu dan Jawatankuasa telah memulakan siasatan dengan segera, termasuk menemubual pihak-pihak berkaitan.


"Kerjasama penuh juga diberikan kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang telah membuka kertas siasatan, termasuk mencari cara tindakan yang mesra dan melindungi privasi atlet terbabit," kata MSN.

Selain itu, MSN memohon kerjasama pihak media dan masyarakat umum supaya tidak mencetuskan spekulasi mahupun menyebarkan maklumat tidak tepat bagi menjaga kebajikan atlet selain mengelak daripada persepsi negatif yang mampu menjejaskan proses siasatan.

"Perlu ditegaskan bahawa MSN tidak pernah menerima laporan ataupun aduan daripada mana-mana atlet para mengenai salah laku seksual oleh jurulatih sebelum aduan terbaharu ini dan dakwaan bahawa MSN cuba menutup atau tidak mengendahkan laporan yang pernah dibuat adalah tidak berasas sama sekali.

"MSN menjulang dan menguatkuasakan semua peraturan dalam Kod Sukan Selamat dan sentiasa berusaha mewujudkan persekitaran selamat kepada semua atlet yang mengikuti program latihan kendalian MSN," katanya.

MSN akan mengambil langkah komprehensif untuk menjaga keselamatan dan kebajikan atlet-atlet para di bawah Program MSN turut dititik beratkan, termasuk mewajibkan pegawai pengiring untuk atlet-atlet yang bertanding di pelbagai kejohanan di luar negara bermula tahun lalu.



## Majikan didakwa amang seksual pekerja bawah umur



SEORANG majikan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, Ayer Keroh, Melaka atas pertuduhan mencabul pekerja bawah umur. - UTUSAN/SYAFEEQ AHMAD

Oleh MUHAMMAD SHAHIZAM IAZALI 28 Februari 2024, 12:43 pm

MELAKA: Seorang majikan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap pekerjanya, dua minggu lalu.

Tertuduh, Mohamad Redwan Sabri, 31, bagaimanapun mengaku tidak bersalah sejourus pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Azaraorni Abd. Rahman.

Berdasarkan kertas pertuduhan, tertuduh didakwa dengan sengaja telah melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang perempuan berumur 17 tahun satu bulan sewaktu kejadian dengan cara memegang paha kanan mangsa.


Kesalahan itu dilakukan kira-kira pukul 12.30 pagi dalam sebuah kereta jenis Isuzu Trooper di Jalan Solok Fajar, Bukit Nibong, Paya Dalam dalam daerah Melaka Tengah pada 14 Februari 2024.

Sabit kesalahan tertuduh boleh dipenjarakan maksimum 20 tahun dan sebat mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Pendakwa dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Rashidah Baharom mencadangkan jaminan RM30,000 dan syarat tambahan tertuduh tidak mengganggu mangsa yang juga pekerjanya sehingga kes selesai.

Tertuduh diwakili peguam Sharveen Letchumanan merayu jaminan rendah dengan alasan anak guamnya hanya bekerja sendiri sebagai jurukimpal dengan pendapatan RM1,500 sebulan selain menyara lima anak yang masih kecil dan menjaga bapanya yang sakit.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM12,000 dan dikenakan syarat tambahan serta perlu melapor diri sebulan sekali di balai polis. - UTUSAN



TAJUK : ISTERI MENGAKU SALAH, SUAMI NAFI BERI ANAK SUSU BERCAMPUR SYABU

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 29 FEB 2024

M/SURAT : 16

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## Isteri mengaku salah, suami nafi beri anak susu bercampur syabu

**Petaling Jaya:** Sepasang suami isteri dihadapkan ke Mahkamah Sesyen semalam atas pertuduhan memberi susu bercampur dadah berbahaya jenis Methamphetamine (syabu) pada 19 Februari lalu.

Tertuduh, Nabila Huda Fadli, 34, mengaku bersalah sebaik pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Dr Syahliza Warnoh manakala suaminya, Sofian Mustapa Zain, 40, mengaku tidak bersalah.

Mengikut pertuduhan bersama, mereka didapati melakukan penganiayaan terhadap bayi lelaki berusia satu tahun empat bulan dengan memberi minum susu bercampur air yang mengandungi Methamphetamine sehingga mangsa mengalami *allegedsympathomimetic drug ingestion*.

Kesalahan dilakukan 19 Februari lalu kira-kira jam 6 petang di Blok F, Apartment Medan Jaya,

Taman Medan, Petaling Jaya.

Pendakwaan mengikut Seksyen 31 (1)(a), Akta Kanak-Kanak 2001 bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 20 tahun atau kedua-duanya.

Terdahulu, pihak pendakwaan menawarkan jaminan RM15,000 bagi setiap tertuduh, selain syarat tambahan iaitu perlu melaporkan diri di balai polis berhampiran sebulan sekali serta tidak mengganggu saksi kes.

Dalam rayuannya, Nabila Huda memohon mahkamah mengurangkan jumlah jaminan atas alasan tidak bekerja, selain perlu menjaga ibu dan tiga anaknya.

Sofian pula memberitahu mahkamah, tidak bekerja tetap serta perlu menanggung keluarga yang lain.



Sofian dan Nabila didakwa beri anak susu bercampur dengan syabu di Mahkamah Sesyen Petaling Jaya.

(Foto Genes Gulitah/BH)

Mahkamah kemudian membenarkan suami isteri itu diikat jamin RM5,000 seorang berserta syarat tambahan ditetapkan pihak pendakwaan.


Hakim Dr Syahliza juga menetapkan 13 Mac depan untuk fakta dan jatuh hukum bagi Nabila Huda manakala lantikan peguam dan pengurusan kes untuk Sofian.

Suami isteri itu sebelum ini ditahan selepas tersilap membancuh susu bayi mereka dengan air mengandungi dadah di sebuah flat di Taman Medan, pada 19 Februari lalu.

Bayi lelaki berusia setahun empat bulan itu difahamkan dihantar kepada neneknya berusia 55 tahun yang tinggal di Seri Kemangan pada hari kejadian.

Semasa dalam jagaan neneknya, mangsa tidak berhenti menangis, terlalu aktif dan sukar dikawal sebelum si nenek bertanyakan mengenai perkara itu kepada ibu mangsa.

Ibu mangsa kemudian mengaku tersilap membancuh susu bayi malang ini menggunakan air syabu milik suaminya.



TAJUK : TUANKU ZARA LANCAR PROGRAM VAKSINASI HPV KANSER SERVIKS

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 29 FEB 2024

M/SURAT : 19

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Tuanku Zara lancar Program Vaksinasi HPV kanser serviks

Inisiatif kenal pasti wanita, remaja kurang mampu dapat suntikan di seluruh negara

Oleh Muhammad Zulsyamini  
Sufian Suri  
bhnews@bh.com.my

**Ipoh:** Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim semalam melancarkan Program Vaksinasi Human Pappiloma Virus (HPV) *Leaving No One Behind* peringkat kebangsaan, inisiatif untuk mengenal pasti wanita kurang kemampuan dan kurang upaya yang masih belum dilindungi vaksin bagi membanteras kanser serviks.

Majlis anjuran Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM)

di Dewan Serbaguna Bandar Baru Tambun, di sini turut dihadiri isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang juga Ahli Parlimen Bandar Tun Razak dan isteri Menteri Besar Perak, Datin Seri Aezur Zubin.

Pada pelancaran semalam, kira-kira 500 wanita dan remaja perempuan 13 hingga 20 tahun dari Parlimen Tambun menerima suntikan vaksin HPV percuma dalam inisiatif digerakkan di seluruh negara itu.

Program dijayakan dengan kerjasama rapat NCSM bersama ahli Parlimen, agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tempatan itu untuk mengenal pasti wanita dan remaja perempuan kurang kemampuan dan kurang upaya yang masih belum dilindungi vaksin HPV di setiap kawasan

## 300,000 dos vaksin HPV

Inisiatif berkenaan membabitkan 300,000 dos vaksin HPV dengan nilai RM90 juta.

Dr Wan Azizah dalam sembah



Tuanku Zara diiringi Dr Wan Azizah berkenan menyaksikan remaja perempuan menerima suntikan vaksin HPV secara percuma di Dewan Serbaguna Bandar Baru Tambun, semalam. (Foto L Manimaran/ BH)

ucapan pada majlis itu, berkata usaha menamatkan kanser serviks dapat dijayakan melalui kesedaran awal, termasuk dengan memastikan tiada siapa terting-

gal dalam pengambilan vaksin HPV pada peringkat awal.

Menerusi program vaksinasi percuma kepada golongan kurang berkemampuan, katanya, jurang

penjagaan kanser dalam negara juga dapat ditingkatkan, khususnya dalam kalangan golongan berisiko yang kurang berkemampuan.

"Penting untuk kita tidak terlepas pandang, termasuk melalui kerjasama rapat dengan Ahli Parlimen dan semua industri, termasuk NGO dan swasta dalam usaha menamatkan kanser. Apatah lagi apabila saya difahamkan, ketika ini kos bagi satu dos vaksin HPV bernilai RM150," katanya.

Pada majlis sama, Tuanku Zara menyampaikan anugerah penghargaan kepada penaja dan NGO yang membantu menjayakan program itu, termasuk Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) dianggotai 16 syarikat yang menyumbang RM3 juta.

Dr Wan Azizah berkata, sumbangan RM3 juta itu bertujuan menampung sebahagian kos pentadbiran sepanjang program vaksinasi berkenaan di seluruh negara yang memerlukan RM9 juta bagi memastikan kelancaran inisiatif berkenaan.



TAJUK : 500 WANITA TERIMA SUNTIKAN VAKSIN HPV

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 29 FEB 2024

M/SURAT : 17

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



TUANKU Zara berkenan bersama Dr Wan Azizah (dua dari kanan) menyaksikan remaja perempuan Chan menerima suntikan vaksin HPV secara percuma. - Gambar NSTP/L MANIMARAN

## 500 wanita terima suntikan vaksin HPV

**Ipoh:** Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim berkenan merasmikan Majlis Pelancaran Program Vaksinasi HPV *Leaving No One Behind* Peringkat Kebangsaan di Dewan Serbaguna Bandar Baru Tambun di sini, semalam.

Hadir sama pada majlis itu isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; isteri Menteri Besar Perak, Datin Seri Aezer Zubin; Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) Kementerian Kesihatan, Datuk Dr. Norhayati Rusli; dan Presiden Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM), Datuk Dr. Saunthari Somasundaram.

Program anjuran NCSM itu menyaksikan kira-kira 500 wanita dan remaja perempuan berusia 13 hingga 20 tahun menerima suntikan vaksin HPV secara percuma di kawasan parlimen Tambun.

Program itu adalah

program vaksinasi HPV percuma yang dijalankan seluruh negara dan dijayakan oleh kerjasama rapat NCSM dengan Ahli Parlimen, agensi kerajaan, dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tempatan.

Ia bagi mengenal pasti wanita dan remaja perempuan daripada kumpulan kurang kemampuan dan kurang upaya yang masih belum dilindungi oleh vaksin HPV di setiap kawasan Parlimen.

Inisiatif itu membabitkan pemberian sebanyak 300,000 dos vaksin HPV membabitkan nilai RM90 juta di seluruh negara.

Wan Azizah dalam sembah ucapan majlis itu berkata, usaha dalam menoktahkan kanser serviks itu dalam dapat dijayakan melalui kesedaran awal termasuk dengan memastikan tiada siapa yang tertinggal dalam pengambilan vaksin HPV di peringkat awal.



TAJUK : IBU MENGAKU SALAH ATAS PERTUDUHAN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 29 FEB 2024

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

## BERI SUSU CAMPUR DADAH

# Ibu mengaku salah atas pertuduhan

**Petaling Jaya:** Seorang ibu mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan menganiaya anak lelaki-nya dengan memberi minum susu bercampur air yang mengandungi dadah jenis Methamphetamine di sebuah pangsapuri, minggu lepas.

Suri rumah berumur 34 tahun itu membuat pengakuan bersalah selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Dr Syahliza Warnoh.

“Saya mengaku bersalah, tapi saya tidak sengaja puan (beri minum susu mengandungi dadah),” kata ibu kepada tiga anak itu.

Sementara itu suaminya, peniaga air balang yang berumur 40 tahun mengaku tidak bersalah atas pertuduhan sama.


Mereka didakwa bersama-sama melakukan penganiayaan terhadap kanak-kanak lelaki berusia setahun empat bulan dengan memberi minum air susu bercampur dengan air yang mengandungi dadah ber-

bahaya jenis Methamphetamine sehingga menyebabkan mangsa mengalami *allegedsympathomimetic drug ingestion* di sebuah apartment di Taman Medan, Petaling Jaya pada 6 petang, 19 Februari lepas.

Pertuduhan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara tidak melebihi 20 tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Zuhaini Mahamad Amin menawarkan jaminan RM15,000 dengan seorang penjamin bagi setiap tertuduh.

Syahliza membenarkan kedua-dua tertuduh masing-masing diikat jamin RM5,000 dengan seorang penjamin dengan syarat tambahan mereka perlu melaporkan diri di balai polis berhampiran setiap bulan sehingga kes selesai serta tidak mengganggu saksi-saksi pendakwaan.



TAJUK : SELANGOR CATAT 588 KANAK-KANAK TERBABIT KES JENAYAH

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 29 FEB 2024

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

**Shah Alam:** Selangor merekodkan 588 kanak-kanak berusia 18 tahun ke bawah terbabit dalam pelbagai kes jenayah termasuk merusuh, tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat negeri Anfaal Saari berkata, berdasarkan maklumat diperolehi daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), jenayah yang kerap dilakukan adalah merusuh membabitkan 138 orang dan curi seramai 112 orang.

## Selangor catat 588 kanak-kanak terbabit kes jenayah

"Pada tahun lalu, berdasarkan statistik diberikan PDRM, seramai 588 kanak-kanak berumur 18 tahun ke bawah terbabit pelbagai kesalahan jenayah.

"Bagi kategori kanak-kanak berumur tujuh hingga 12 tahun, sebanyak 11 kes dilaporkan termasuk rogol, curi, pecah rumah.

"Bagi kanak-kanak berumur 13 hingga 18 tahun membabitkan 577 kes yang mana kes merusuh paling

tinggi sebanyak 138 kes manakala kes curi (112)," katanya ketika menjawab pertanyaan berhubung keselamatan dan perlindungan kanak-kanak di Selangor pada Sidang Dewan Negeri Selangor ke-15 di Wisma Dun Selangor di sini, semalam.

Anfaal berkata, statistik kes penderaan terhadap kanak-kanak tahun lalu mengikut Seksyen 31 Akta Kanak-Kanak 2001 adalah

156 kes manakala penderaan sebanyak 190 kes mengikut Seksyen 31, 32, 33, 48 Akta Kanak-Kanak 2001.

"Bagi kes kegunaan seksual terhadap kanak-kanak pula, sebanyak 146 kes mengikut Seksyen 5, 8, 10, 11, 12, 14, 15 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak," katanya.

Mengulas lanjut, katanya, populasi kanak-kanak negeri Selangor di bawah


umur 18 tahun adalah 1.9 juta orang mewakili hampir satu pertiga populasi penduduk di negeri ini.

Beliau berkata, kerajaan negeri sudah membangunkan Dasar Pembangunan Kanak-Kanak Negeri Selangor dan Pelan Tindakan 2022-2025 yang dilancarkan pada Mei tahun lalu.

"Menerusi tema 'Anak Selangor Anak Kita', Dasar Pembangunan Kanak-Kanak Negeri Selangor ber-

matlamat untuk mewujudkan golongan kanak-kanak yang terpelihara dari sudut hak, kebajikan, akses kepada sumber dan pembangunan potensi.

"Ini mengambil kira peranan semua pihak berkepentingan (termasuk ibu bapa, pemimpin komuniti, institusi berkaitan dan agensi kerajaan) serta memastikan tiada satu pun kanak-kanak yang ketinggalan atau tercicir," katanya.



TAJUK : MAN GETS 22 YEARS, FIVE LASHES FOR RAPE, SEXUAL ASSAULT OF MINOR

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 29 FEB 2024

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

# Man gets 22 years, five lashes for rape, sexual assault of minor



Desiree David

[desiree@theborneopost.com](mailto:desiree@theborneopost.com)

**KUCHING:** The Sessions Court here yesterday sentenced a 36-year-old man to a total of 22 years in jail and five strokes of the rotan for two charges of rape and one count of sexual assault against a then 14-year-old girl.

Judge Saiful Bahari Adzmi imposed the sentence on Bolhasan Hashim after finding him guilty of the three charges at the end of the defence's case.

Bolhasan was found guilty of two counts of rape under Section 376(1) of the Penal Code, which provides for an imprisonment term of up to 20 years, or caning, upon conviction.

He was also found guilty of sexual assault under Section 14(b) of the Sexual Offences Against Children Act (Soaca) 2017, punishable under Section 14 of the same Act, which carries up to 20 years' jail and caning upon conviction.

For the first two charges, he was sentenced to eight years and two strokes of the rotan each,



Police escort Bolhasan after sentencing.

while for the third charge, he was sentenced to six years in jail and one stroke of the rotan.

The judge ordered for the jail sentences to run consecutively and for Bolhasan to undergo rehabilitative counselling pursuant to Section 26 of Soaca throughout his detention.

Bolhasan was also ordered to immediately undergo police supervision for two years after completing his sentence.

According to the first and second charges, Bolhasan raped the victim in early November 2022 at around 12pm and again on Nov 10, 2022 at around 5pm at

a park in Petra Jaya here.

According to the third charge, he sexually assaulted the victim at a village in Petra Jaya at around 10pm on Nov 10, 2022.

Based on the facts of the case, on Dec 7, 2022, the victim was referred to a doctor after she suffered abdominal pain and upon the doctor's inquiry, the victim said she had been raped by Bolhasan.

The doctor lodged a police report for further investigation.

On the same day, the victim's sister also filed a police report after the victim told her that she had been raped and sexually assaulted.


The reports eventually led to Bolhasan's arrest on Dec 8, 2022.

The investigation revealed that Bolhasan had raped the victim multiple times in November 2022 at a park in Petra Jaya.

He also sexually assaulted the victim by inserting his private part into her mouth.

The case saw seven witnesses – two doctors, the victim, the victim's sister, and three police officers – called to the stand.

DPP Mohammad Fauzan Zamri prosecuted the case, while Bolhasan was unrepresented by legal counsel.



TAJUK : MOTHER PLEADS GUILTY TO FEEDING SON MILK MIXED WITH METH

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 29 FEB 2024

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



The couple is led to the court by police. — Bernama photo

## Mother pleads guilty to feeding son milk mixed with meth

**PETALING JAYA:** A woman pleaded guilty in the Sessions Court here yesterday to a charge of abusing her 16-month-old son by giving him milk mixed with liquid methamphetamine.

The 34-year-old made the plea before judge Dr Syahliza Warnoh, who fixed March 13 for mention and sentencing.

"I plead guilty, but I did not mean to (give son milk containing drugs)," said the mother of three.

Meanwhile, her drink-seller

husband, 40, chose to claim trial to the same charge.

The couple was jointly charged with abusing their son by giving him milk mixed with water containing methamphetamine, at an apartment in Petaling Jaya at around 6pm on Feb 19.

The charge, under Section 31(1)(a) of the Child Act read together with Section 34 of the Penal Code, provides a maximum fine of RM50,000 or imprisonment for up to 20 years, or both, if

found guilty. The judge allowed the couple bail of RM5,000 with one surety each and ordered them to report themselves at a police station every month and not intimidate witnesses. The court set March 13 for mention.

Earlier, deputy public prosecutor Ahmad Zuhaini Mahamad Amin told the court that the couple, unrepresented, is married but their marriage was not registered in Malaysia. — Bernama



TAJUK : FREE HPV VACCINES WELL RECEIVED

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 29 FEB 2024

M/SURAT : 13

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Free HPV vaccines well received

## Teen girls in Perak say they're relieved to get protection against cervical cancer

**IPOH:** A 19-year-old college student from Kampar made an early morning trip to get herself vaccinated against cervical cancer.

Lucy Xian said she knew about the human papillomavirus (HPV) vaccination programme at Dewan Serbaguna Bandar Baru Tambun from social media.

"I decided to take a bus to the community hall at 6.30am to get myself the life-saving jab.

"I was surprised to see there were already dozens of teenagers at the hall, waiting in line to get vaccinated," she said when met yesterday.

Xian said she was willing to go the extra mile to attend the programme after knowing there were vaccines being made free to prevent the disease.

"As a student, I read about cervical cancer and I just want to prevent myself from being diagnosed with the disease," she said.

Xian hopes that more adolescent girls are given the opportunity to get the HPV vaccination.

"I am thankful for this programme to be held in Tambun," she said.

Another recipient, Jamilah Husin, 18, from Kampung Paloh here, said she wanted to get vaccinated after her relative was diagnosed with cervical cancer a few months ago.

"I never knew about cervical cancer until one of my relatives is enduring hardship due to the disease.



**Saving lives:** Tuanku Zara (third from left) posing for pictures alongside Dr Wan Azizah (third from right) and others at the launch of the vaccination programme at Dewan Serbaguna Bandar Baru Tambun.

"I told my elder brother to drive me here so that I can receive the jab," she said.

The vaccination programme, organised by National Cancer Society of Malaysia (NCSM), was graced by Raja Permaisuri Perak Tuanku Zara Salim and was also attended by the Prime Minister's

wife Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail and Perak Menteri Besar's wife Datin Seri Aezer Zubin.

Prime Minister's senior political secretary Datuk Seri Shamsul Iskandar Md Akin, NCSM president Datuk Dr S. Saunthari, NCSM managing director Assoc Prof Dr

M. Murallitharan, Life Insurance Association of Malaysia (LIAM) chief executive officer Mark O'Dell and Edra Power Holdings Sdn Bhd vice-chairman Datuk Wira Mark Ling were also present.

LIAM, consisting of 16 member companies, collectively contribut-

ed RM3mil towards the programme.

Dr Wan Azizah, in her speech, said cervical cancer could be a significant burden for any woman and the HPV vaccination could prevent them from being diagnosed with such a complicated disease.

She said it was important to spread awareness on this condition among the public.

"Prevention is better than cure. The HPV vaccine plays a huge role in preventing cervical cancer.

"When we say prevention, we want all our young children, our daughters, to be protected from cervical cancer," she said.

Meanwhile, Dr Murallitharan said the programme was to provide opportunity to young women and teenagers to get inoculated.

He said cervical cancer is the third most common cancer affecting women, with about 40% of cervical cancer cases being diagnosed late – at Stages Three and Four.

"For those diagnosed at these later stages, their five-year survival rate is as low as 23% to 32%.

"Low awareness of cervical cancer and challenges in obtaining screening and HPV vaccination contribute to these percentages," he said.

At the event, Tuanku Zara also presented appreciation awards to sponsors and NGOs that contributed to the success of the programme.



TAJUK :	PREVENTIVE MEASURE...		
HARI :	KHAMIS	AKHBAR :	THE SUN DAILY
TARIKH :	29 FEB 2024	M/SURAT :	02
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM



**PREVENTIVE MEASURE ...** Raja Permaisuri Perak Tuanku Zara Salim, accompanied by the prime minister's wife Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, observing the human papillomavirus vaccine being administered, in Bandar Baru Tambun, Ipoh yesterday. – **BERNAMAPIC**



TAJUK : IBU MENGAKU SALAH BERI ANAK MINUM SUSU CAMPUR DADAH

HARI : KHAMIS

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 29 FEB 2024

M/SURAT : 13

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

# Ibu mengaku salah beri anak minum susu campur dadah

Suaminya, peniaga air balang yang berumur 40 tahun mengaku tidak bersalah atas pertuduhan sama

**PETALING JAYA:** Seorang ibu mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan menganiaya anak lelakinya dengan memberi minum susu bercampur air yang mengandungi dadah jenis Methamphetamine di sebuah apartmen, minggu lepas.

Suri rumah berumur 34 tahun itu membuat pengakuan bersalah selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Dr Syahliza Warnoh.

“Saya mengaku bersalah, tapi saya tidak sengaja puan (beri minum susu mengandungi dadah),” kata ibu kepada tiga anak itu.

Sementara itu suaminya, peniaga air balang yang berumur 40 tahun mengaku tidak bersalah atas pertuduhan sama.

Mereka didakwa bersama-sama melakukan penganiayaan terhadap kanak-kanak lelaki berusia setahun empat bulan dengan memberi minum air susu bercampur dengan air yang mengandungi dadah berbahaya jenis Methamphetamine sehingga menyebabkan mangsa mengalami ‘alleged sympathomimetic drug ingestion’ di sebuah apartmen di Taman Medan, Petaling Jaya pada 6 petang, 19 Februari lepas.

Pertuduhan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-



**DITUDUH:** Seorang wanita mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen, Kuala Lumpur semalam atas pertuduhan mendera anak lelakinya berusia 16 bulan dengan memberinya susu dicampur dengan cecair Methamphetamine. — Gambar Bernama

kanak 2001 dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara tidak melebihi 20 tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Zuhaini Mahamad Amin menawarkan jaminan RM15,000 dengan seorang penjamin bagi setiap tertuduh dengan syarat tambahan mereka perlu melaporkan diri di balai polis berhampiran setiap bulan sehingga kes selesai.

“Dua tertuduh ini merupakan pasangan suami is-

“Saya mengaku bersalah, tapi saya tidak sengaja puan (beri minum susu mengandungi dadah).”


Suri rumah

teri tetapi mereka tidak mendaftarkan perkahwinan di sini (Malaysia),” kata Ahmad Zuhaini selepas ditanya hakim mengenai hubungan kedua-dua tertuduh, yang tidak diwakili peguam.

Syahliza membenarkan kedua-dua tertuduh masing-masing diikat jamin RM5,000

dengan seorang penjamin dengan syarat tambahan mereka perlu melaporkan diri di balai polis berhampiran setiap bulan sehingga kes selesai serta tidak mengganggu saksi-saksi pendakwaan.

Mahkamah menetapkan 13 Mac untuk sebutan kes. — Bernama



TAJUK : **ROGOL: LELAKI DIPENJARA 22 TAHUN, LIMA SEBATAN**

HARI : **KHAMIS**

AKHBAR : **UTUSAN BORNEO (SARAWAK)**

TARIKH : **29 FEB 2024**

M/SURAT : **02**

STONE : **NEGATIF**

SEKTOR : **KPWKM**

## Rogol: Lelaki dipenjara 22 tahun, lima sebatan

**KUCHING:** Seorang lelaki dikenakan hukuman penjara 22 tahun dan lima sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua pertuduhan merogol dan satu serangan seksual ke atas gadis berusia 14 tahun ketika insiden berlaku.

Hakim Saiful Bahari Adzmi menjatuhkan hukuman ke atas Bolhasan Hashim, 36, selepas mendapati dia bersalah bagi tiga pertuduhan pada akhir pembelaan kes.

Bolhasan didapati bersalah atas dua pertuduhan merogol mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan, yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.

Dia juga didapati bersalah melakukan serangan seksual di bawah Seksyen 14(b) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (SOACA) 2017, boleh dihukum di bawah Seksyen 14 Akta yang sama, yang membawa hukuman penjara sehingga 20

tahun dan sebatan jika sabit kesalahan.

Bagi dua pertuduhan pertama, dia dikenakan hukuman penjara lapan tahun dan dua sebatan setiap satu pertuduhan manakala untuk pertuduhan ketiga, dia dipenjara enam tahun dan satu sebatan.

Hakim mengarahkan hukuman penjara dijalankan secara berturut-turut dan Bolhasan harus menjalani kaunseling pemulihan menurut Seksyen 26 SOACA sepanjang penahanannya.

Selain itu Bolhasan diperintahkan diletakkan di bawah pengawasan polis selama dua tahun serta merta sebaik menamatkan hukuman.

Menurut pertuduhan pertama dan kedua, Bolhasan telah merogol mangsa pada awal November 2022 sekitar jam 12 tengah hari dan pada 10 November 2022 sekitar jam 5 petang di sebuah tanam di Petra Jaya di sini.

Manakala pertuduhan keti-



**KE PENJARA:** Polis mengiringi Bolhasan ketika berada di Kompleks Mahkamah Kuching selepas dia dijatuhkan hukuman semalam.

ga, dia melakukan serangan seksual ke atas mangsa di sebuah kampung di Petra Jaya di sini sekitar 10 malam pada 10 November 2022.

Berdasarkan fakta-fakta kes, pada 7 Disember 2022,

mangsa telah dirujuk kepada seorang doktor selepas mengadu sakit di bahagian abdomen dan selepas ditanya oleh doktor mangsa memberitahu dia telah dirogol oleh Bolhasan.

Susulan kenyataan mangsa itu, doktor yang merawatnya membuat laporan polis untuk siasatan lanjut.


Pada hari sama, kakak mangsa juga membuat laporan polis selepas mangsa memberitahu kepadanya yang dia telah dirogol serta diserang secara seksual.

Laporan-laporan polis itu akhirnya membawa kepada penahanan Bolhasan pada 8 Disember 2022.

Siasatan yang dilakukan mendedahkan Bolhasan telah merogol mangsa beberapa kali pada November 2022 di sebuah taman di Petra Jaya di sini.

Kes itu menyaksikan tujuh saksi, iaitu dua doktor, mangsa, kakak mangsa, dan tiga pegawai polis, dipanggil ke tempat kejadian.

Pendakwaan kes itu dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Fauzan Zamri, manakala Bolhasan tidak diwakili peguam bela.



TAJUK : SIBU TUAN RUMAH SAMBUTAN HARI WANITA PERINGKAT NEGERI PADA 4 MEI

HARI : KHAMIS

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 29 FEB 2024

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Sibu tuan rumah sambutan Hari Wanita Peringkat Negeri pada 4 Mei

**SIBU:** Sambutan Hari Wanita Peringkat Negeri yang bertemakan 'Wanita Sarawak Dalam Inovasi dan Teknologi' akan disambut di Universiti Teknologi Sarawak (UTS) pada 4 Mei nanti.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, ini adalah kali pertama sambutan diadakan di luar Kuching.

"Kita mahu memberi peluang kepada Sibu untuk menganjurkan sambutan kali ini.

"Kita menjangkakan antara 800 hingga 1,000 orang akan hadir bersama kita di dewan ini," ujarnya pada sidang media di sini, kelmarin.

Fatimah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Dalat berkata, sambutan itu bertujuan meraikan dan menghargai sumbangan wanita Sarawak dalam pembangunan keluarga, negeri dan negara.



**SAMBUTAN HARI WANITA:** Fatimah (duduk tengah) bersama yang lain yang terlibat dalam acara tersebut pada sidang media di Sibu, kelmarin.

Beliau juga menambah, Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg dijangka menjadi tetamu kehormat pada sambutan dengan acara kemuncak majlis ialah penyampaian Anugerah Datuk Patinggi Laila Taib dan Anugerah Premier Sarawak.

"Satu lagi aktiviti yang akan kita buat ialah menerbitkan buku yang bertajuk 'Wanita Sarawak Dalam Inovasi dan Teknologi'.

"Sekarang, kita dalam proses penyuntingan dan akan melancarkan buku ini pada hari itu nanti," katanya.

Pada sambutan itu nanti kata Fatimah, orang ramai

juga akan diperkenalkan dengan perkhidmatan yang disediakan oleh agensi dan jabatan kerajaan.

"Kami ingin memberi maklumat kepada rakyat bagaimana mereka boleh mengakses perkhidmatan yang disediakan oleh agensi dan jabatan yang terlibat," ujarnya.